



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN PROJEK SIAP PEMBINAAN GANTIAN 12 BILIK DARJAH, LIMA (5) UNIT RUMAH GURU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI SMK SRI SADONG, SIMUNJAN, SARAWAK.

SIMUNJAN, SARAWAK – Hari ini saya bersama Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengurusan Tertinggi kedua-dua Kementerian telah menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Siap Pembinaan Gantian di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Sadong, Simunjan, Sarawak yang telah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku Agensi Pelaksana kepada Kementerian Pelanggan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Projek bernilai RM28.73 juta ini dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia di mana ianya telah dimulakan pada 17 Mac 2022 dan berjaya disiapkan pada tahun 2025. Projek ini dilaksanakan secara Konvensional Perunding oleh kontraktor yang dilantik iaitu Welfield Services Sdn. Bhd. Antara skop utama projek melibatkan:

- Pembinaan satu blok akademik yang merangkumi 12 bilik darjah
- Bengkel elektrik/elektronik dan bengkel pembuatan
- Makmal komputer, makmal sains, makmal kimia, makmal biologi dan makmal fizik
- Bilik Pendidikan Khas (PPKI)
- Satu blok kantin
- Lima (5) unit rumah guru kelas F
- Pelbagai kemudahan sokongan lain

3. Pelaksanaan projek ini membuktikan usaha berterusan Kerajaan MADANI bagi meningkatkan ekosistem pembelajaran dan pengajaran negara melalui pembinaan infrastruktur pendidikan yang moden, berkualiti dan kondusif yang menyokong kecemerlangan pelajar. Di samping itu, projek ini memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar dalam usaha mengurangkan jurang kualiti pendidikan antara bandar dan luar bandar.

4. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan atas kepercayaan dan kerjasama yang diberikan KKR dan JKR, khususnya dalam penyeliaan di tapak hingga projek ini berjaya disiapkan.

5. Saya meminta JKR Malaysia untuk terus memantau dan bekerjasama dengan pihak kontraktor dalam melunaskan tanggungjawab menyelesaikan aduan kecacatan seberapa segera dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
2 OGOS 2025

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni